

25 FEB 2001

Ling-Kolej

MCA AKAN DESAK KERAJAAN BERI STATUS UNIVERISITI KEPADA KOLEJ TAR

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- MCA akan mendesak kerajaan memberi status universiti kepada Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) yang kini menempatkan 29,000 pelajar di lima buah kampus, kata Presiden parti, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Kolej itu telah berkembang daripada sebuah entiti kecil kepada sebuah institusi yang kini mempunyai lima kampus selain memiliki kepakaran yang menyamai sebuah universiti dan inilah faktor mengapa kami mahukan kolej TAR diberikan status universiti," katanya.

Menurutnya kolej itu mempunyai 12,000 pelajar yang mengikuti kursus teknologi maklumat dan kursus penting lain yang sesuai untuk pembinaan negara.

Kolej TAR menawarkan kursus diploma dan pelajar yang berhasrat melanjutkan pengajian selepas tamat kursus, perlu ke luar negara untuk mendapatkan ijazah.

"Mengapa patut pelajar kita membazirkan wang di seberang laut... kita mempunyai keupayaan untuk menawarkan kursus ijazah di sini dan ia hanya boleh dilakukan apabila kolej ini diberikan status universiti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perayaan ulantahun ke-52 MCA di Wisma MCA di sini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed bagi membincangkan perkara itu.

Beliau berkata setiap tahun sebilangan besar lulusan kolej itu akan menyambung pengajian di luar nagara dan ia merugikan dalam bentuk pertukaran matawang.

Dr Ling berkata semua kursus yang ditawarkan oleh kolej itu menekankan kepada pembinaan negara, serupa dengan universiti tempatan.

"Kami mahu kolej TAR menjadi seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang mendapat status universiti tahun lepas," katanya.

Kolej TAR mempunyai kampus di Kuala Lumpur, Tanjong Bungah di Pulau Pinang, Larkin (Johor), Kampar (Perak) dan Karak (Pahang) yang mampu menampung 30,000 pelajar menjelang 2005.

Kerajaan menanggung 50 peratus daripada perbelanjaan operasi dan modal kolej yang ditubuhkan 32 tahun lepas itu.

-- BERNAMA

SR RV LAT